

Headline	Prestasi bekalan elektrik negara diiktiraf		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Apr 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	24,88	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	415 cm <sup>2</sup>
Journalist	Shahrizan Salian	AdValue	RM 14,251
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,753



---

## BANK DUNIA IKTIRAF PRESTASI BEKALAN ELEKTRIK NEGARA Ms.24

Headline	Prestasi bekalan elektrik negara diiktiraf		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Apr 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	24,88	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	415 cm <sup>2</sup>
Journalist	Shahrizan Salian	AdValue	RM 14,251
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,753



**Senarai 20 negara teratas senarai 'Mendapatkan Bekalan Elektrik'**

- 1. Emiriah Arab Bersatu (UAE)
- 2. Korea Selatan
- 3. Taiwan
- 4. Hong Kong
- 5. Jerman
- 6. Sweden
- 7. Switzerland
- 8. Malaysia
- 9. United Kingdom
- 10. Russia
- 11. Iceland
- 12. Singapura
- 13. Thailand
- 14. San Marino
- 15. Republik Czech
- 16. Denmark
- 17. Jepun
- 18. Panama
- 19. Slovenia
- 20. Finland

# Prestasi bekalan elektrik negara diiktiraf

→ Malaysia duduki tempat ke-8 daripada 190 negara

**Oleh Shahrizan Salian**  
shahrizan\_salian@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

**M**alaysia mendahului 182 negara termasuk United Kingdom dan Singapura, dalam senarai Laporan Global Mengenai Bekalan Elektrik Harga Berpatutan dan Boleh Diharapkan yang diterbitkan, baru-baru ini.

Malaysia menduduki tempat kelapan dalam kalangan 190 negara dalam kategori 'Mendapatkan Bekalan Elektrik', berdasarkan Laporan Menjalankan Perniagaan Bank Dunia 2018, sekali gus menyaksikan negara mengekalkan kedudukan tinggi dalam senarai terbabit, yang membuktikan pembekalan elektrik negara boleh diharapkan.

Penarafan dunia itu dibuat berasaskan beberapa standard seperti pembekalan yang boleh diharapkan, ketelusan kadar tarif, kos penyambungan bekalan yang mampu milik, kemu-

dahan proses mendapatkan bekalan di mana hanya 31 hari diperlukan bagi penyambungan ke grid utama elektrik di Malaysia berbanding purata 78 hari di negara lain.

## Usaha gigih Suruhanjaya Tenaga, TNB

Kedudukan Malaysia itu mampu dicapai berikutan usaha gigih dan kerjasama erat antara Suruhanjaya Tenaga dengan Tenaga Nasional Bhd (TNB), yang melaksanakan pelbagai inisiatif seperti permohonan dalam talian bagi penyelesaian pelanggan serta memendekkan masa menunggu, sekali gus menjadikan keseluruhan proses permohonan lebih mudah lagi cepat.

Sebelum ini, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, dipetik berkata semua inisiatif berkenaan selaras dengan dasar kerajaan bagi membekalkan tenaga elektrik pada kadar tarif mampu milik, mudah diperolehi dan pembekalan yang mampan.

Laporan Menjalankan Perniagaan Bank Dunia 2018 menggariskan 11 bidang kawal selia perniagaan yang menilai 190 negara di seluruh dunia.

Selain 'Mendapatkan Bekalan Elektrik', bidang kawal selia lain, termasuk 'Memulakan Perniagaan', 'Berurusan Dengan Permit Pembinaan', 'Mendaftar Harta', 'Mendapatkan Kre-

dit', 'Melindungi Pelabur Minoriti', 'Membayar Cukai', 'Perdagangan Merentas Sempadan', 'Menguatkuasakan Kontrak' dan 'Menyelesaikan Masalah Pembayaran Balik'.

## Tempat ke-24 ekonomi dunia

Laporan Menjalankan Perniagaan Bank Dunia 2018 meletakkan Malaysia di kedudukan ke-24 secara keseluruhan daripada 190 ekonomi seluruh dunia, berbanding ke-23 sebelumnya.

Biarpun mengalami sedikit penurunan dari segi kedudukan, Malaysia mencatat peningkatan skor 'jarak ke hadapan' (DIF) sebanyak 0.96 kepada 78.43 berbanding 77.47 sebelumnya.

Pada peringkat Asia Timur dan Pasifik, Malaysia mengekalkan kedudukannya di tempat keempat selepas Singapura, Hong Kong dan Taiwan.

Menurut laporan itu, Malaysia melaksanakan tiga pembaharuan perniagaan sepanjang tahun lalu, iaitu mendapatkan kredit, urusan niaga rentas sempadan dan melindungi pelabur minoriti.

Sepanjang 15 tahun lalu sewaktu laporan itu kali pertama diperkenalkan, Malaysia sudah melaksanakan 23 pembaharuan, lebih tinggi daripada purata 15 pembaharuan yang dilakukan oleh negara di rantau Asia Timur dan Pasifik.